

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VIII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

16. Program Latihan *Super Skills For Life*.

- (a) Sejauh manakah keberkesanan program ini membantu pelajar dalam pembangunan jati diri serta berdaya tahan apabila berdepan dengan tekanan dan masalah kehidupan?
- (b) Apakah tindakan susulan dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada guru-guru yang telah melalui program ini?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Program Latihan *Super Skills for Life* (SSL) adalah bertujuan untuk memberikan latihan kepada guru kaunseling dan guru disiplin bagi menangani masalah disiplin serta membantu pembangunan jati diri pelajar. Sehingga kini seramai 600 guru telah menjalani latihan SSL yang diadakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Pulau Pinang.

- (a) Modul latihan Program Latihan SSL telah digunakan bagi intervensi murid yang mempunyai masalah disiplin dan ponteng di tujuh (7) buah sekolah seperti di bawah pada bulan September hingga November 2019:
  - i. SMK Batu Maung;
  - ii. SMK Sungai Ara;

- iii. SMK Raja Tun Uda;
- iv. SMK Seri Balik Pulau;
- v. SMK Teluk Kumbar 1;
- vi. SMK Teluk Kumbar 2; dan
- vii. Sekolah Tunas Bakti Telok Ayer Tawar.

Hasil penemuan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang mendapati guru-guru sekolah berpandangan bahawa modul yang dibangunkan bagi program ini adalah teratur dan dapat membantu untuk meningkatkan jati diri pelajar dan mengurangkan masalah disiplin di sekolah. Selain itu, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang melalui pengurusan sekolah mendapati pelajar yang mempunyai masalah disiplin terutamanya melibatkan kes ponteng menunjukkan perubahan sikap yang positif.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Penang Education Council (PEC) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan *Forum of Mental Health for Adolescent and Children* pada Ogos 2020 untuk meningkatkan pemahaman guru-guru mengenai keupayaan mental pelajar bagi memudahkan penggunaan modul SSL ini.